

# Sentuhan kasih UMS di Kg Malubang Pitas

UB 18.04.2012 B2

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini sekali lagi telah menganjurkan satu program turun padang dengan misi memasarkan pendidikan dan dalam masa yang sama membantu menjana pembangunan sosio ekonomi penduduk di kawasan pedalaman. Program murni sentuhan kasih UMS ini diadakan di sebuah kampung terpencil dalam daerah Pitas iaitu di Kampung Malubang.

Program outreach ini disertai oleh seramai lebih 70 orang, terdiri daripada pelajar dan pensyarah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Sekolah Perhutanan dan Tropika Antarabangsa, Sekolah Sains Sukan dan Sekolah Perubatan UMS.

Program kali ini dikendalikan bersama oleh pelajar Program Khas Pensiswazahan Guru Besar Kohot 7 (PKPGB) dan Persatuan Mahasiswa Pendidik (Permadik) UMS di bawah seliaan

Ketua Unit, Unit

(Gambar kanan) AJK penganjur yang terdiri daripada pelajar PKPGB Kohot 7 dan Permadik bergambar bersama Bolkiah.

(Gambar bawah) BOLKIAH (dua kiri) menyampaikan plak perasmian kepada Ag Jaya disaksikan oleh Dr Khalid (kiri sekali) dan Jumaan (dua kanan).



(Gambar kanan) PENDUDUK kampung membuat pemeriksaan tekanan darah yang dikendalikan oleh Sekolah Perubatan UMS.



mendapat sokongan dari pelbagai pihak yang telah bermurah hati menghulurkan sumbangan dalam pelbagai bentuk. Di antaranya ialah Yayasan Sabah, Bernas, The Campus Resources, Perkhidmatan Nur Alie, MBA Enterprise, Dynamic Training, Ae Supply & Service, Layan Enterprise, Nur Zikry Enterprise, Pemborong Adrie, Pemborong Telaga Masyhur, Azera Enterprise dan SH Sahar SH Ading.

Dr Khalid berkata antara lain objektif program ini adalah untuk meningkatkan dan menonjolkan peranan serta fungsi sekolah dalam persekitaran pendidikan dan masyarakat luar bandar.

Katanya, program ini juga bertujuan untuk melestarikan persekitaran pembelajaran yang sihat dan berdaya saing di kalangan pelajar dan warga sekolah serta masyarakat luar bandar.

"Saya juga berharap program ini akan dapat membina serta meningkatkan peranan sekolah sebagai pusat sehati pembelajaran yang menjadi sumber maklumat dan pendidikan kepada pelajar dan masyarakat luar bandar," katanya.

Mengenai program outreach di Kampung Malubang, beliau berkata kejayaan program kali ini adalah hasil kerjasama erat semua pihak yang didokong oleh penglibatan aktif penduduk kampung yang menunjukkan minat yang tinggi terhadap semua aktiviti yang dijalankan.

Sementara itu, Jumaan berkata, antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program outreach ini, ialah ceramah motivasi, demonstrasi pembuatan baja kompos, pemeriksaan kesihatan yang meliputi pemeriksaan mata,

tekanan darah dan pemeriksaan payudara.

Menurutnya, Ko-Nelayan turut mengambil bahagian dengan mengadakan taklimat berkaitan perikanan dan seterusnya menyampaikan surat tawaran dan kelulusan pinjaman 1Azam kepada para penerima yang layak.

"Kementerian Pelancongan juga turut mengambil bahagian dengan memberikan taklimat mengenai peluang penduduk untuk meningkatkan taraf hidup dengan mengambil bahagian dalam industri pelancongan," katanya.

Beliau berkata, terdapat juga aktiviti yang disasarkan kepada guru dan murid, seperti perkongsian pengurusan Pusat Sumber, cara penjagaan gigi, English Language Games, Pollution and Recycle, ujian kecerdasan dan Matematik.

Sementara itu, upacara perasmian penutupan Program Outreach Malubang ini telah disempurnakan oleh Pembantu Menteri Pelancongan,

Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Bolkiah Ismail.

Berucap di majlis itu, beliau mengucapkan terima kasih kepada UMS kerana memilih Kampung Malubang sebagai lokasi program outreach, di mana menurutnya ia merupakan satu pilihan yang tepat kerana Malubang masih memerlukan perhatian khususnya dari para ilmuwan.

Katanya, para ilmuwan UMS amat diperlukan untuk membantu penduduk kawasan pedalaman dalam memberikan kesedaran terhadap pentingnya pendidikan demi menjamin kehidupan masa depan anak dan cucu mereka.

Pada majlis sama, beliau turut mengumumkan peruntukan RM1 juta untuk pembangunan Pulau Superak, di mana peruntukan ini akan digunakan untuk membentuk dan membangunkan pulau berkenaan supaya kelihatan sebagai sebuah kapal laut, bersesuaian dengan legenda pulau berkenaan.

Beliau juga mencadangkan agar

penduduk kampung mewujudkan inap desa (Homestay) bagi memenuhi permintaan pelancong yang ingin bermalam di kampung berkenaan.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pegawai Daerah Pitas, Sabdin Ibrahim; Pegawai Pendidikan Daerah, Ag Jaya Ag Damit; Pengerusi Pelancongan Sabah, Datuk Seri Tengku Zainal Adlin; Penyelaras Program Outreach, Dr Khalid Johari; Profesor Madya Mejar Dr Hamzah Md Omar; Guru Besar SK Malubang, Francis Pudon dan Pengerusi JKKK Kampung Malubang, Mokhtar Amirul.

Berdasarkan kepada maklum balas penduduk kampung dan para peserta program, secara keseluruhannya, program outreach Kampung Malubang ini telah berjaya mencapai objektifnya.

Penduduk kampung tampak begitu teruja dengan kehadiran rombongan dari UMS. Suasana kampung yang selama ini agak sunyi telah bertukar menjadi lebih ceria dan meriah.

Penduduk Kampung Malubang dan kampung

berhampiran juga tidak melepaskan peluang untuk menjalankan perniagaan sementara seperti menjual ikan, ketam, kuih dan sebagainya.

Selain daripada itu terdapat juga penduduk yang membuka warung semata-mata untuk digunakan sepanjang program ini berlangsung. Ternyata ia agak berbaloi kerana warung ini tidak putus-putus dikunjungi oleh para peserta program yang mengambil kesempatan untuk menikmati ikan bakar.

Maklum balas daripada penduduk juga, mendapati mereka sememangnya mengharapkan agar ada pihak yang memberikan perhatian terhadap kampung mereka khususnya dari segi pembangunan ekonomi dan peningkatan taraf pendidikan.

Manakala bagi para pelajar yang menyertai program ini mereka pastinya telah dapat menimba pengalaman baru yang amat berharga. Di samping dapat menyumbangkan ilmu. Idea dan tenaga, sekurang-kurangnya mereka juga sedikit sebanyak telah dapat melihat dan mengalami sendiri kehidupan masyarakat desa di kawasan pedalaman.

Dengan demikian diharapkan ia akan menjadikan mereka lebih memahami dan menghayati realiti kehidupan masyarakat luar bandar yang masih dalam keadaan serba serbi kekurangan. Semoga dengan itu mereka akan dapat memikirkan dan membina sesuatu yang boleh mendatangkan manfaat kepada masyarakat luar bandar.

Bukanlah suatu yang mustahil, suatu hari nanti penduduk pedalaman ini juga akan dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi seperti orang lain yang jauh lebih ke hadapan dari segi pendidikan dan ekonomi.



SALAH seorang murid sebak memeluk salah seorang pelajar UMS semasa majlis perpisahan.

Penyelidikan Pendidikan Luar UMS, Dr Khalid Johari. Manakala Jumaan Bahrin Sashop, pelajar PKPGB Kohot 7 bertindak selaku pengarah program.

Sepanjang empat hari program ini berlangsung, pelbagai aktiviti dijalankan dengan penglibatan dua agensi luar, iaitu Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah dan Ko-Nelayan.

Aktiviti seumpama ini yang julung-julung kalinya diadakan di Kampung Malubang berjaya menghimpunkan lebih 500 orang yang terdiri daripada penduduk Kampung Malubang, Pansuran dan Kampung Lok Dangkaan serta murid-murid dan guru-guru daripada 10 buah sekolah berhampiran.

Program outreach ini juga turut



(Gambar atas) SEBAHAGIAN daripada penduduk kampung dan murid-murid yang menyertai Program Outreach UMS.

(Gambar atas) DR KHALID menyampaikan ceramah motivasi kepada penduduk kampung.

(Gambar kanan) SUKARELAWAN dari Jepun menunjukkan cara memproses baja kompos.

